

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Pertumbuhan gaji rakyat Malaysia masih rendah



Bisnes

Rabu,
14 Jun 2023

bhbiz@nsp.com.my

ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Rafizi (tengah) bersama Ahmad Badri (dua dari kiri) dan Amir Hamzah (dua dari kanan) melancarkan Panduan Belanjawan untuk Individu dan Keluarga di Malaysia 2022/2023 di Sungai Buloh, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Bodri Saali/BH)

Pertumbuhan gaji rakyat Malaysia masih rendah

Kerajaan persiap data menyeluruh sebelum buat dasar komprehensif tutup jurang

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pertumbuhan gaji di Malaysia masih rendah berbanding negara serantau lain, sekali gus memerlukan langkah segera bagi menutup jurang berkenaan.

Malah, nisbah hasil ekonomi yang diberi kepada pekerja dalam bentuk gaji dan pampasan turut rendah ketika ini, iaitu hanya sekitar 36 peratus.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata, gaji dan upah adalah perkara utama yang perlu diselesaikan kerajaan selain meningkatkan harga barang di dalam indikator kos sara hidup rakyat.

Beliau berkata, semua pihak termasuk kerajaan perlu memberikan fokus kepada soal meningkatkan gaji kerana apabila memperkatakan mengenai kos sara hidup selama ini, ia hanya tertumpu kepada soal harga semata-mata.

Menurutnya, walaupun langkah untuk menaikkan gaji dijangka mengambil masa untuk diselesaikan, namun ia perlu dimulakan dengan segera.

Malah, Rafizi berkata kerajaan telah mengambil langkah segera seperti sedang meneliti secara dasar sistem gaji progresif serta memperkenalkan statistik gaji dan upah secara suku tahunan berbanding laporan tahunan sebelum ini.

"Langkah awal kerajaan ketika ini adalah mengukuhkan data kerana jika tidak, kita tidak boleh buat dasar yang komprehensif. Kena ada data yang lengkap dan menyeluruh."

"Namun, soal gaji dan upah ini bukan sah tanggungjawab kerajaan tetapi semua pihak harus membuat keputusan bersama," katanya selepas melancarkan Panduan Belanjawan untuk Individu dan Keluarga di Malaysia 2022/2023 di Sungai Buloh, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir dan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Perlu laporan tepat

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, statistik suku ke suku untuk gaji dan upah Malaysia adalah penting bagi memastikan ekonomi secara keseluruhannya memberi tumpuan kepada soal gaji.

Beliau berkata, ia juga indikator penting kerana pasaran kerja adalah terbuka bagi membolehkan tenaga kerja mendapat peluang gaji setimpal untuk kerjaan lain yang lebih baik.

Katanya, jika majikan secara berterusan tidak mahu memberikan gaji setimpal, sudah tentu ia akan menghadapi masalah mendapatkan tenaga kerja berkualiti.

"Sebab itu pandangan saya kita perlu ada laporan secara terpadu dan pantas statistik gaji dan upah secara suku bermula sekarang kedua ini."

"Kerajaan perlu juga ada campuran dalam dalam isu gaji dan upah baik dari segi dasar, kerangka dan pemudah cara antara majikan dan pekerja."

"Ia akan membolehkan gaji dapat diselesaikan serta mewujudkan pasaran kerja yang lebih dinamik responnya kepada gaji dan upah," katanya.

Rafizi berkata, dasar sistem gaji progresif masih lagi di peringkat penelitian Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan (MOF); Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Beliau berkata, sistem gaji progresif ialah peralihan daripada model pemberian upah minimum kepada kenaikan gaji secara berperingkat dan berfasapunya ia setanding dengan pertumbuhan ekonomi negara.

"Mengikut jadual pembentangan kali pertama rangka asas gaji progresif adalah pada Ogos ini kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)."

"Kita masih ada dua bulan untuk melengkapannya dan melaksanakan perbincangan serta libat urus dengan pihak terhbit seperti ahli akademik.

"Selepas itu barulah kita akan mengadakan pertemuan libat urus dengan majikan dan persatuan pekerja. Kita mahu ada rangka yang jelas dulu sebelum berjumpa dengan majikan."